

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENDIDIKAN INSANIAH DI SEKOLAH TINGGI ISLAM AS-SOFA, NEGERI SEMBILAN

Students' Perception of Humanitarian Education at Sekolah Tinggi Islam as-Sofa, Negeri Sembilan

*Khairi Hasbullah Abu Hassan, Ahmad Shafiq Mat Razali, Annasaii Jamar

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: ahmadshafia@uis.edu.my

| Submitted: | Accepted: | Revised: | Published: |
|-------------|-------------|-------------|-------------|
| 03-Sep-2024 | 06-Sep-2024 | 23-Jun-2025 | 29-Jun-2025 |

Abstrak

Penulisan ini bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pendidikan insaniah yang dijalankan di Sekolah Tinggi Islam As Sofa, Negeri Sembilan. Aspek sokongan persekitaran yang terdiri daripada sokongan guru, sokongan ibu bapa dan sokongan rakan sebaya diambil kira dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti tahap keterlibatan pelajar dari aspek pengajaran pembelajaran bilik darjah. Akhir sekali, implikasi pendidikan insaniah terhadap pelajar dari aspek kemahiran sosial di sekolah turut dikaji. Beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran dicadangkan bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Implikasi pendidikan insaniah pelajar sangat signifikan dengan sokongan persekitaran yang merangkumi sokongan guru, sokongan ibu bapa dan sokongan rakan sebaya. Tambahan pula, tahap keterlibatan pelajar dalam pengajaran pembelajaran bilik darjah turut memberikan implikasi terhadap pendidikan insaniah pelajar dari aspek kemahiran sosial di sekolah.

Kata Kunci: Pendidikan Insaniah, Negeri Sembilan, Sokongan Persekitaran

Abstract

This study aims to explore students' perceptions of the insaniah (humanitarian) education implemented at Sekolah Tinggi Islam As Sofa in Negeri Sembilan. It examines the environmental support aspects, including teacher support, parental support, and peer support, in relation to this education. Additionally, the study seeks to assess students' engagement levels in classroom teaching and learning activities. Finally, it investigates the implications of insaniah education on students' social skills within the school environment. The study proposes various teaching and learning methods to enhance students' insaniah skills. Findings indicate that the impact of insaniah education is significantly influenced by environmental support, which encompasses teacher, parental, and peer support. Furthermore, students' engagement in classroom learning activities also affects the development of their social skills through insaniah education.

Keywords: Soft Education, Negeri Sembilan, Environmental Support

1.0 PENDAHULUAN

Dewasa ini kita dapat melihat pembangunan ilmu umat Islam semakin pesat. Institusi pengajian tinggi, sekolah dan madrasah bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Peningkatan penubuhan sekolah pondok yang mendadak ini telah menarik perhatian Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mewujudkan satu Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat yang memfokus kepada garis panduan serta

strategik dan inisiatif pengurusan dan pelaksanaan sekolah pondok (KPT, 2018). Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti impak pelajar yang mengikuti sistem pendidikan pondok kepada diri, rakan sebaya dan keluarga dalam mempraktikkan amalan seharian selari dengan tuntutan agama Islam (Noornajihan Jaafar, et.al, 2017).

Bertepatan dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Tinggi Global (Khair, 2022), maka tertubuhnya Sofa Education Group (SEG) yang menyerlahkan potensi negara khususnya di Negeri Sembilan dalam menyumbang ke arah penawaran program-program pendidikan akademik dan penyelidikan inovatif yang berorientasikan misi Wasatiyyah Islamiyyah dalam segenap dimensi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Maka dengan gabungan Yayasan Sofa dan Sofa Education Group ini menjadikan medan dakwah yang dibina berjalan dengan lebih teratur dan sistematik.

Sehubungan itu, manusia yang berkeperibadian tinggi sentiasa mementingkan peningkatan ilmu dalam diri melalui kualiti pendidikan (Chapra, 2009). Dengan peningkatan kualiti pendidikan akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pandangan Islam terhadap alam ini, nilai diri, akhlak, dan tanggungjawab setiap insan yang menjadi khalifah Allah atas muka bumi ini.

Sistem pendidikan yang berkualiti ini dilihat berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan teknologi atas faktor kebebasan sumber maklumat tanpa pantauan dan dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Isu ini sudah pasti mempunyai kebaikan dan kekurangannya. Kebaikan perkembangan teknologi ialah para pelajar dapat memperolehi pelbagai maklumat dan ilmu dalam tempoh masa yang singkat tetapi tidak dapat memastikan sama ada maklumat tersebut benar atau pun salah. Namun terdapat lambakan maklumat-maklumat yang salah, meragukan, tidak diketahui sumber penulis asal, berunsurkan rekaan, tohmahan, firnah dan tidak melalui proses saringan input yang sepatutnya telah dijadikan bahan rujukan dan pegangan para pelajar (Noornajihan Jaafar, et.al, 2017).

Akibat daripada pengambilan maklumat dan ilmu yang tidak tepat telah memberi kesan kepada sistem pemerolehan ilmu dan akan meruntuhkan kualiti pendidikan yang telah dibangunkan oleh mana-mana institusi pendidikan (Syed Mohammad Hilmi et.al, 2022). Selain itu, perkembangan ilmu tanpa sempadan yang meluas pada hari ini tambah membimbangkan lagi apabila data-data dari kajian menunjukkan kerosakan akhlak dalam kalangan pelajar juga semakin meningkat (Jantan, 2017). Oleh itu, keperluan pendidikan insaniah dilihat amat memainkan peranan penting dalam membentuk pendidikan yang berkualiti dalam negara ini. Dalam membina sistem pendidikan berkualiti, nilai diri seseorang pelajar yang baik seperti rendah diri, baik tutur kata, hormat menghormati dan lain-lain akhlak baik yang hakikatnya diajar dalam Islam ini amat diperlukan.

Sistem pendidikan yang sempurna dan persekitaran yang positif akan mendorong seseorang untuk berkelakuan baik. Manakala persekitaran yang buruk dan negatif akan mempengaruhi kelakuan seseorang ke arah keburukan (Zakaria Stapa, et al., 2012). Mengikut teori pembelajaran sosial (Khalim & Wan Zulkipli, 2009), pembentukan tingkah laku berdasarkan model yang berada di hadapan kita. Sekiranya model tersebut menunjukkan tingkah laku yang baik, maka kita juga akan terikut dengan tingkah laku itu (Noornajihan Jaafar et.al., 2017).

2.0 PENGENALAN SOFA EDUCATION GROUP

Sofa Education Group (SEG) atau Kumpulan Pendidikan Sofa menekankan aspek pendidikan yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah serta berusaha mengikut jejak langkah para salaf al soleh. Tujuan penubuhan SEG adalah untuk menjadi nadi kepada aspek-aspek pembangunan modal insan, pendidikan dan penyelidikan ilmu-ilmu Islam berasaskan kepada tiga sendi agama iaitu Iman, Islam dan Ihsa (Abdullah Abdol Razak, 2020).

Pegangan yang berlandaskan kepada Ahli Sunnah wa al-Jamaah berteraskan al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qias adalah merupakan tunjang tanggungjawab yang besar dipikul dalam misi dan visinya. SEG juga amat komited dengan mengambil peranan sebagai pendidik masyarakat yang mengimbangi antara keperluan duniawi dan ukhrawi (Abdullah Abdol Razak, 2020).

Pendidikan di SEG adalah berasaskan penyampaian intelektual serta tarbiah Islamiyyah dan diterapkan melalui institusi-institusi yang bernaung di bawahnya agar dapat melahirkan insan rabbani. Syeikh Muhammad Fuad merupakan pengasas dan pencetus kepada idea penubuhan SEG (Abdullah Abdol Razak, 2016).

SEG terdiri daripada 14 institusi pendidikan yang terdiri daripada institusi seawal usia pendidikan iaitu aulad (tadika), sekolah rendah, tahfiz banin banat, sekolah tinggi sehingga peringkat pengajian tinggi iaitu kolej. Pada 22 Muharram 1433H bersamaan 17 Disember 2011, Sekolah Rendah Islam as-Sofa telah dirasmikan. Sekolah ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuklah ruang hafalan, dewan solat, ruang akademik, ruang kudapan serta kawasan riadah (SEG, 2019).

Sekolah Tinggi Islam as-Sofa, Rembau (STIAS Rembau) pula merupakan sebuah pusat pengajian peringkat menengah yang didaftarkan secara rasmi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (Bahagian Swasta) pada tahun 2009 dan 2018. Pusat Pengajian ini memberikan penekanan kepada Pengajian Islam dalam bahasa Arab secara efektif dan hafalan al-Quran bagi para pelajar tingkatan satu hingga lima di samping menekankan subjek-subjek akademik Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) (SEG, 2019)

Bagi mencapai matlamat dalam pendidikan Islam melalui penerapan ruhaniah, sistem pendidikan di sekolah ini mengaplikasikan kaedah pengajian tradisi para ulama antaranya melalui hafazan matan-matan ilmu dan ayat-ayat al-Qur'an. Pembentukan insaniah mula diterapkan kepada para pelajar dengan program-program insaniah secara harian, mingguan dan bulanan.

Bagi peringkat pengajian tinggi, Sofa Education Group telah mengambil alih sebuah institusi dan melakukan penambahbaikan dengan menukar lembaga pengarah dan sistem pengurusannya. Maka pada 23 Jun 2011, Kolej Islam as-Sofa telah sempurna beroperasi dengan matlamat tinggi dalam melahirkan graduan yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam kemuliaan akhlak dan keterampilan sebagai generasi Islam (Sofa Education Group, 2019).

Aspek akademik diterapkan kepada para pelajar dengan cara pembelajaran yang moden dan teratur mengikut sistem yang telah diwajibkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kolej Islam as-Sofa menawarkan program Diploma berkaitan ilmu syariat yang berteraskan al-Quran dan as-Sunnah dengan penekanan kepada bentuk pelajaran pendidikan insaniah (Abdullah Abdol Razak, 2020).

3.0 PENDIDIKAN INSANIAH

Pendidikan dalam Bahasa Inggeris adalah terbitan kata nama Akar Didik bermaksud menjaga, mengasuh dan mengajar. Pendidikan juga membawa erti pengajaran, latihan, pengasuhan, kursus, bimbingan, pendidikan dan kaunseling. Dalam bahasa Inggeris, pendidikan disebut Education (Simpson dan Weiner 1989), dikatakan sebagai produk cantuman dua perkataan dalam bahasa Latin, E'ex dan Ducereduc, yang bermaksud "petunjuk" dan boleh ditafsirkan sebagai mengumpulkan maklumat ke dalam diri anda membentuk bakat (Abdullah Ishak, 1995).

Menurut Hashim R., (2006), Pendidikan Insaniah (Soft Skills) umumnya ditafsirkan atau boleh didefinisikan sebagai kemahiran sosial interpersonal dan kemahiran kepimpinan sebagai kemahiran seseorang dalam membina perhubungan baik dengan diri sendiri dan orang lain. Persepsi Insaniah juga ditakrifkan sebagai kemahiran manusia, kemahiran insaniah, dan kecerdasan emosi.

Mustafa (2008) menyatakan bahawa pelbagai istilah yang lain berkait rapat dengan Pendidikan Insaniah juga turut digunakan di pelbagai negara seperti Australia iaitu 'key competencies', 'soft skills', atau 'employable skills'. New Zealand pula telah menggunakan istilah 'essential skills' manakala di Amerika Syarikat, istilah 'necessary skills', 'employability skills' atau 'workplace know-how' telah digunakan. Bagi di United Kingdom, istilah 'key skills' atau 'core skills' digunakan untuk merujuk kepada kemahiran Insaniah ini.

Menurut Mohamad Ridzuan Lau et al., (2015) memiliki ijazah semata-mata masih idak boleh menjamin seseorang graduan mendapat pekerjaan yang diidamkan kerana persaingan yang sengit di dunia pasaran kerjaya hari ini. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia yang dilancarkan pada 22 Ogos 2006 bertujuan bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketerampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa bagi melengkapkan graduan IPT yang dilihat cenderung untuk belajar demi mendapatkan pekerjaan semata-mata. Hasil keputusan mendapati, kemahiran yang dikenalpasti perlu dilaksanakan dan diserap di semua IPTA merangkumi kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan, pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, etika dan moral profesional serta kemahiran kepimpinan atau diringkaskan sebagai pendidikan insaniah. Oleh itu, seseorang yang memiliki kemampuan untuk membina hubungan dengan diri sendiri dan kemampuan untuk membina hubungan dengan persekitaran, terutama melalui kegiatan komunikasi perlu dilahirkan dalam jiwa graduan lepasan IPT dan semua agensi pendidikan di Malaysia.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9), telah digariskan satu perkara untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi serta memupuk 'Minda Kelas Pertama' dalam kalangan rakyat Malaysia sejajar dengan perkembangan era terkini bagi melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu berdaya saing, cekap, tahan lasak dan fleksibel apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pekerjaan, maka penekanan aspek kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar perlu ditingkatkan.

Pembangunan modal insan amat dititikberatkan seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP). Modal insan yang diharapkan haruslah mempunyai kemahiran agar dapat meningkatkan pembangunan sesebuah negara. Menurut Norani & Sazalie (t.t.), kemahiran generik adalah penting dan diperlukan oleh graduan sebelum memasuki alam pekerjaan. Kemahiran Insaniah adalah sifat peribadi yang dapat meningkatkan kemahiran interaksi peribadi, prestasi kerja, dan prospek kerjaya. Ia ditafsirkan sebagai kompetensi

tingkah laku, juga dikenal sebagai kompetensi interpersonal atau "people skills" (Jain, A. & Mehta, S., 2011).

Di samping itu, Kementerian Pengajian Tinggi mendefinisikannya sebagai gabungan kemahiran umum termasuk kemahiran bukan akademik seperti kepemimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran sepanjang hayat (Shakir, t.t). Selain itu, Kemahiran Insaniah adalah sebahagian daripada kemahiran generik. Ia merujuk kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih terfokus kepada pembangunan ketrampilan diri, personaliti dan kemanusiaan. Kemahiran ini diperlukan oleh pelajar untuk berjaya dan cemerlang dari pelbagai aspek contohnya pekerjaan dan kehidupan (Jain, A. & Mehta, S., 2011).

Oleh yang demikian itu, menjadi penekanan penyelidik dalam kajian ini mengenai istilah pendidikan insaniah adalah nilai tambah yang diberikan kepada para pelajar berbeza dengan pendidikan akademik biasa. Antara contoh program pendidikan insaniah di SEG ini adalah Program Maulid, Konvensyen Antarabangsa, aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti bersukan, mempunyai rumah sukan, pertandingan berqasidah dan unit beruniform, pengajian atau talaqqi kitab-kitab turath dari pelbagai subjek seperti Aqidah, Fiqh, Tasawuf, Nahu dan Sorof. Tambahan pula, sambutan hari kebesaran Islam seperti peristiwa Isra' & Mikraj dan Nisfu Syaban (SEG, 2019).

4.0 KEPENTINGAN KEMAHIRAN INSANIAH

Perubahan ketara di zaman teknologi maklumat dan sains ini memerlukan kepada individu yang menguasai kepelbagaian kemahiran seperti pemikiran kritis, kepimpinan, penyelesaian masalah, rasa ingin tahu dan imaginasi, kerjasama, dan kemahiran komunikasi yang baik. Kesemua kemahiran ini terkandung dalam pendidikan insaniah (soft skill) dan mesti digabungkan dengan pendidikan akademik.

Kemahiran insaniah ini biasanya dikaitkan dengan pekerja berkemahiran tinggi dan orang yang mempunyai pemahaman yang jelas tentang peranan dan hala tuju masa depan mereka. Pekerjaan masa hadapan akan lebih tertumpu kepada memperoleh pengetahuan lanjutan dan kemahiran yang diterapkan daripada pekerjaan tradisional, yang memerlukan pekerja mengikut manual dan rutin. Bagi warga pendidik, adalah satu cabaran untuk melahirkan generasi bekerja dengan berkemahiran insaniah pada masa yang sama juga mempunyai akademik yang diperlukan dalam industri pekerjaan.

Hal ni kerana tingkat kebolehpasaran seorang graduan bukan sahaja bergantung pada pencapaian akademik tetapi bergantung kepada kemahiran insaniah dan kemahiran praktikal. Majikan melihat bahawa nilai atau kualiti individu yang dimiliki pekerja sangat mempengaruhi keharmonian di tempat kerja dan membantu pekerja dalam menghadapi setiap perubahan yang berlaku (Mohamad Ridzuan Lau et al., 2015). Justeru kemahiran insaniah adalah satu aspek kompetensi/kecekapan pekerjaan yang harus dimiliki oleh setiap pekerja untuk membolehkan mereka menjadi seorang pekerja yang berketerampilan dan berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan yang diceburi (Mohamad Ridzuan Lau et al., 2015).

4.1 Pelajar

Kepentingan pendidikan insaniah memerlukan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum bagi meningkatkan kemahiran insaniah serta mengelakkan keciciran dalam pelajaran. Kajian ini menunjukkan bahawa sokongan

persekitaran memberi kesan terhadap kemahiran insaniah. Dengan kata lain, pelajar perlu meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar. Pelajar dapat mengenal pasti tahap serta perbezaan sokongan persekitaran dari sudut sokongan guru, sokongan ibu bapa dan sokongan rakan sebaya dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Tambahan pula, pelajar dapat mengenal pasti dan mengetahui keterlibatan sokongan persekitaran pelajar yang memberi sumbangan besar terhadap kemahiran insaniah (Abdullah Abdol Razak, 2020).

4.2 Sekolah

Pendidikan insaniah penting untuk meninjau kemahiran insaniah para pelajar di SEG khususnya dalam mengenal pasti corak kualiti kerja, peranan dan tanggungjawab institusi pendidikan dan idea dalam pembangunan insaniah para pelajar as-Sofa seterusnya menjadikan pandangan yang terbaik kepada ibubapa dan masyarakat bahawa sekolah mampu menyaingi dunia pendidikan dengan hasil gabungan ilmu aqli dan naqli melalui aspek nilai ihsan, syariat, akidah menjadi tunjang Institusi as-Sofa di masa akan datang. Ia juga untuk dijadikan panduan dan membekalkan maklumat-maklumat tentang sumbangan dan peranan SEG di negara kita dan seterusnya dapat memberikan manfaat kepada penyelidik yang lain mengikuti input-input yang berkaitan.

Dengan penekanan pendidikan insaniah yang diterapkan kepada para pelajar di sekolah, para pelajar dapat menambah mutu kualiti kemahiran dalam diri di alam Institut Pendidikan Tinggi seterusnya menjadi graduan yang bermutu tinggi dan mengurangkan jumlah graduan yang tidak mendapat pekerjaan sebagaimana yang difokuskan pada permasalahan kajian sebelum ini (Samad, 2022).

4.3 Guru

Keterlibatan pelajar dari aspek pengajaran pembelajaran bilik darjah dan persepsi pelajar terhadap pendidikan insaniah dari aspek sokongan persekitaran juga turut membantu proses pengajaran guru dalam kelas. Justeru itu, kajian ini memberikan gambaran untuk membantu para guru mengenal pasti langkah-langkah sewajarnya bagi membantu pelajar yang mempunyai masalah di sekolah. Kajian ini juga memberi gambaran bahawa guru perlu memberi sokongan, dorongan dan motivasi yang berterusan dalam usaha meningkatkan keterlibatan dan kemahiran insaniah pelajar melalui pelbagai aktiviti di sekolah (Samad, 2022).

4.4 Ibu bapa

Kajian ini penting untuk membantu ibu bapa meningkatkan penglibatan pelajar melalui pelbagai aktiviti sekolah dengan memberi sokongan, galakan dan motivasi kepada pelajar serta mendedahkan kemahiran insaniah kepada pelajar. Kajian ini memberi gambaran idea tentang cara memberikan sokongan, galakan dan motivasi berterusan kepada pelajar agar mereka dapat memahami dan merasai peranan ibu bapa dalam memupuk kecemerlangan diri. Oleh kerana ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dengan pelajar, sokongan, galakan dan motivasi ibu bapa membantu meningkatkan penglibatan pelajar, membangunkan kemahiran insaniah, dan seterusnya membangunkan kecemerlangan pelajar (Sidik, 2019).

5.0 PERNYATAAN MASALAH

Menurut bekas Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed, kegagalan siswazah mendapat kerja adalah disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan majikan. Beliau berkata selain daripada lemah penguasaan bahasa Inggeris, siswazah didapati berfikir sempit, tiada ciri kepimpinan, semangat kekitaan dan tiada kemahiran berkomunikasi (Melati Mohd Ariff 2007). Dalam dialog di antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan majikan di negara ini, ramai mengatakan graduan universiti tidak diambil kerja kerana tidak memiliki kemahiran insaniah yang tidak diajar sejak dibangku persekolahan lagi. Ini menyebabkan pada pelajar apabila melanjutkan pelajaran ke universiti tidak berusaha untuk menambah nilai pendidikan insaniah pada diri mereka. (Hanum, et.al, 2008).

Senario hari ini menunjukkan bahawa sekolah yang berperanan sebagai pembentukan sumber manusia untuk mengisi tempat pekerjaan setelah tamat melanjutkan pengajian di universiti semata-mata tidak lagi dianggap memadai. Hari ini sekolah terpaksa "mengejar" kepesatan perubahan supaya proses pembelajaran dan pengajaran pelajar lebih relevan dengan perkembangan terkini. Dalam keadaan yang sedemikian, aspek lain seperti kematangan berfikir, kemahiran berkomunikasi, adab, kerja berpasukan, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan dan moral di kalangan pelajar yang seharusnya terangkum dalam pendidikan yang bersepadu itu kadangkala tidak menonjol sepanjang pembelajaran di sekolah (Melati, 2007).

Tambahan pula, kesan daripada kurangnya penekanan pendidikan insaniah kepada pelajar mengakibatkan pergaulan bebas antara pelajar lelaki dan perempuan semakin tidak terkawal. Menurut Najwa Solehah et al. (2019), masalah pergaulan bebas ini sering menular kerana kurangnya didikan agama. Remaja bergaul bebas tanpa mengira jantina, menyebabkan generasi muda yang melihatnya terpengaruh serta memberi impak negatif. Kebanyakan remaja yang bermasalah dari segi pegangan agama biasanya tidak yakin dengan adanya hukuman Tuhan. Mereka akan menyalahkan Tuhan apabila ditimpa sesuatu kesusahan dan akan keluar mencari jalan penyelesaian sendiri. Kefahaman agama boleh dijadikan pegangan moral dalam diri remaja agar dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral.

Lebih membimbangkan data rasmi daripada sistem kajian pengesanan graduan yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan seramai 70,467 graduan belum mendapat pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian bagi tahun 2021 dan 2022. Malah kerajaan memperuntukkan sejumlah RM 15 juta bagi mewujudkan sijil profesional bagi meningkatkan kemahiran diri graduan (PIAC, 2023).

Negara akan rugi jika aset negara yang bakal menjadi pewaris masa depan terumbang-ambing mencari pekerjaan tanpa kemahiran di dada. Negara amat memerlukan modal insan yang berkualiti, berketerampilan dan mampu bersaing bukan sahaja di pasaran kerja tempatan malah di peringkat antarabangsa. Seharusnya para pelajar wajar melengkapkan diri dengan memiliki pelbagai kemahiran yang tinggi meskipun masih dibangku persekolahan. Pelajar juga perlu berketerampilan, di samping bersahsiah terpuji demi meneruskan kecemerlangan dan kegemilangan bangsa dan negara. Dengan pendidikan insaniah yang diterapkan di sekolah, negara akan terkehadapan dan permasalahan kemahiran insaniah yang dialami dalam alam pekerjaan akan dapat diatasi.

6.0 OBJEKTIF KAJIAN

Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap pendidikan insaniah dari aspek sokongan persekitaran.

Mengenal pasti tahap keterlibatan pelajar dari aspek pengajaran pembelajaran bilik darjah.

Menganalisis implikasi pendidikan insaniah terhadap pelajar dari aspek kemahiran sosial di sekolah.

7.0 BATASAN KAJIAN

Lokasi kajian dibatasi di Sekolah Tinggi Islam as-Sofa (STIAS) Rembau. Hal ini kerana STIAS Rembau merupakan sekolah terbesar dalam SEG serta didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bahagian swasta. Dari sudut persampelan kajian, kajian ini terbatas dilakukan terhadap para pelajar menengah atas sahaja iaitu tingkatan 4 dan tingkatan 5. Pelajar tingkatan 4-5 yang merupakan pelajar menengah atas telah melepasi tempoh peringkat menengah bawah. Kajian tidak dilakukan terhadap para pelajar menengah rendah iaitu tingkatan 1-3 yang masih lama untuk menamatkan pengajian di sekolah menengah.

8.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang mana penyelidik menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sepenuhnya. Penyelidik memberikan soal selidik kepada kumpulan kecil dalam populasi yang besar. Sampel kajian yang agak besar sesuai dengan pendekatan kuantitatif. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti corak dalam sikap, pandangan, tingkah laku, atau ciri-ciri populasi. Kaedah ini merupakan cara terbaik untuk mengumpul data kajian melalui persampelan (Cresswell 2008; Rosinah Edinin 2011).

Kelebihan kaedah penyelidikan ini ialah ia boleh dilaksanakan dengan mudah dengan mengedarkan borang soal selidik. Jawapan tinjauan sampel dikumpulkan secara langsung dalam masa yang singkat, membolehkan pengumpulan data dilakukan dengan cepat. Banyak maklumat boleh dikumpul secara serentak dan terus daripada sampel kajian. Hasil penyelidikan boleh disampaikan dengan tepat dan berkesan daripada sampel kepada populasi (Chua Yan Piaw, 2006).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik persampelan rawak mudah atau 'simple random sampling untuk memilih sampel kajian. Teknik persampelan rawak mudah adalah salah satu kaedah persampelan yang paling mudah dan popular dalam kajian kuantitatif. Ia melibatkan pemilihan sampel secara rawak dari populasi yang ingin dikaji, di mana setiap entiti dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Teknik ini sering digunakan kerana ia mudah dilaksanakan dan boleh memberikan hasil yang representatif jika dilakukan dengan betul.

8.1 Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi dalam kajian ini yang merupakan kumpulan sasaran penyelidik adalah seramai 120 orang pelajar mewakili Sekolah Tinggi Islam As-Sofa (STIAS). 120 orang pelajar ini merupakan para pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5. Daripada 120 orang pelajar tingkatan 4 & 5 tersebut, seramai 92 orang sampel diambil sebagai responden (Krejcie & Morgan, 1970). Dengan kaedah ini, masing-masing mempunyai peluang yang sama digunakan sebagai sampel. Selain

itu, sampel juga mempunyai ciri-ciri yang seragam sebagai pelajar sekolah tingkatan 4 & 5 dan mempunyai laras silibus pendidikan yang sama.

Sebelum menjalankan kajian di populasi, penulis telah meminta kebenaran bertulis untuk menjalankan kajian tersebut daripada pengetua sekolah berkenaan. Penulis juga memaklumkan bahawa bentuk kajian adalah soal selidik dan meminta satu masa yang sesuai untuk penulis menjalankan kajian tersebut. Penulis menerangkan kepada pengetua tujuan kajian dijalankan dan memberi kefahaman tentang kepentingan kajian dijalankan. Dengan kebenaran daripada pengetua sekolah, borang soal selidik diedarkan dan kajian dijalankan pada waktu dan tarikh yang telah ditetapkan. Responden diberi masa dua puluh minit untuk menjawab soalan soal selidik. Setelah selesai ujian soal selidik dijalankan borang tersebut dikutip daripada para responden. Penyelidik menggunakan SPSS (Service Package for Science Social) Versi 29 untuk mendapatkan keputusan analisis yang tepat.

8.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi bagi mengukur komponen demografi pelajar, sokongan persekitaran, penglibatan pelajar dan implikasi kemahiran insaniah pelajar. Sebelum membuat kajian rintis, kesahan instrumen diuji melalui kesahan muka dan kesahan kandungan. Kesahan muka merupakan suatu anggaran sama ada instrumen ujian dapat mengukur kriteria yang ingin diukur (Lim Chap Sam et al., 2013). Kesahan muka melibatkan penelitan instrumen dari aspek ketepatan dan kesesuaian istilah, struktur ayat dan penggunaan bahasa, kekemasan format dan kejelasan perkataan yang digunakan dalam item-item soal selidik.

Sehubungan itu, bagi tujuan memantapkan aspek kesahan muka dan kesahan kandungan, penyelidik telah menggunakan khidmat dua orang pakar. Pakar yang dimaksudkan dalam konteks kajian ini ialah pensyarah universiti dan pengetua sekolah. Matlamat semak pakar adalah untuk mendapatkan maklum balas berkenaan dengan pemilihan konsep soalan, laras bahasa dan kesesuaian bentuk soalan. Pakar diminta menulis, mengubah suai dan memperbaiki item soal selidik tersebut. Teguran dan pandangan daripada dua orang pakar telah diambil kira untuk pemurnian dan penambahbaikan dari segi bahasa, kejelasan maksud dan isi kandungan setiap item yang dibina.

1. Kajian Rintis

Kajian rintis dilaksanakan pada bulan November 2023, bermula proses memohon kebenaran mengadakan kajian daripada pengetua sekolah, guru kelas dan pelajar sehingga pengumpulan semua soal selidik yang telah dijawab. Pemilihan pelajar tingkatan 4 Maahad Tafiz As Sofa, Seremban sebagai sampel kajian rintis adalah kerana pelajar tersebut mempunyai latar belakang demografi yang serupa dengan sampel kajian sebenar.

Kajian rintis dilaksanakan bagi mengenal pasti perkara berikut: (i) mengetahui sejauh mana kesesuaian keseluruhan item instrumen kajian sama ada mudah difahami atau tidak. Pelajar diminta membulatkan istilah-istilah dan menggariskan struktur ayat yang difikirkan sukar untuk difahami; (ii) mengetahui sejauh mana sampel kajian memahami setiap pernyataan dan soalan yang dikemukakan. Ini dilakukan dengan membenarkan sampel kajian untuk kajian rintis bertanya sendiri kepada penyelidik; (iii) mengetahui sama ada pernyataan-pernyataan dalam soal selidik bertepatan dan bersesuaian dengan sampel kajian dan apa yang ingin dikaji; dan (iv) menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian (Chua Yan Piaw 2006).

Penyelidik melaksanakan sendiri kajian rintis untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Sampel kajian dikumpulkan pada masa dan

tempat yang sama untuk menjawab semua item dalam soal selidik dengan diawasi oleh penyelidik. Penyelidik akan memberi penerangan tentang soal selidik sebelum sampel kajian menjawab soal selidik. Penyelidik dapat mengetahui jangka masa yang digunakan oleh sampel kajian bagi menjawab semua item dalam soal selidik. Sampel kajian perlu menjawab semua item dan seterusnya memberi ulasan serta pandangan terhadap soal selidik tersebut. Pandangan dan ulasan mereka dijadikan panduan dalam menambahbaik soal selidik kajian ini (Mohd Najib Abdul Ghafar 1999).

Penyelidik menganalisis borang soal selidik yang lengkap diisi oleh responden menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha. Setelah selesai proses kajian rintis, analisis faktor dijalankan untuk mengetahui nilai alpha (kebolehpercayaan) konstruk yang dibina. Menurut Mohd Majid Konting (1990), tahap kesahan dan kebolehpercayaan boleh ditentukan dengan menggunakan nilai Cronbach's Alpha. Nilai kebolehpercayaan yang sesuai digunakan dalam penyelidikan bagi sesuatu alat ukur ialah mempunyai nilai melebihi daripada 0.60. Jika nilai alpha menghampiri 1.0, ini bermakna kebolehpercayaan adalah tinggi, baik dan berkesan.

2. Kebolehpercayaan Instrumen Sokongan Persekitaran

Huraian kebolehpercayaan instrumen sokongan persekitaran dipaparkan mengikut setiap aspek seperti sokongan guru, sokongan ibu bapa dan sokongan rakan sebaya. Hasil analisis kebolehpercayaan instrumen sokongan persekitaran dengan nilai Cronbach's Alpha 0.75. Butiran dan huraianya adalah seperti berikut:

Jadual 8.1 Nilai Cronbach's Alpha bagi Instrumen Sokongan Persekitaran

| Pemboleh ubah | N | Nilai Alpha Cronbach |
|-----------------------|----|----------------------|
| Sokongan Persekitaran | 30 | 0.75 |

3. Kebolehpercayaan Instrumen Sokongan Guru

Analisis dijalankan dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha instrumen sokongan guru. Jadual 8.2 menunjukkan sokongan guru dengan setiap item mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan yang kukuh dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan ialah 0.76.

Jadual 8.2 Kebolehpercayaan Sokongan Guru

| Pemboleh ubah | Item | Alpha Cronbach jika item digugurkan | Nilai Alpha keseluruhan |
|---------------|------|-------------------------------------|-------------------------|
| Sokongan Guru | B1.1 | 0.74 | 0.76 |
| | B1.2 | 0.70 | |
| | B1.3 | 0.72 | |

4. Kebolehpercayaan Instrumen Sokongan Ibu Bapa

Analisis dijalankan dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha instrumen sokongan ibu bapa. Jadual 8.3 menunjukkan bahawa sokongan ibu bapa dengan setiap item yang mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan adalah kukuh dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan ialah 0.76. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen sokongan ibu bapa tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar. Lihat jadual 8.3 berikut:

Jadual 8.3 Kebolehpercayaan Sokongan Ibu Bapa

| Pemboleh ubah | Item | Alpha Cronbach jika item digugurkan | Nilai Alpha keseluruhan |
|-------------------|------|-------------------------------------|-------------------------|
| Sokongan Ibu Bapa | B2.1 | 0.73 | 0.76 |
| | B2.2 | 0.78 | |
| | B2.3 | 0.72 | |
| | B2.4 | 0.72 | |

5. Kebolehpercayaan Instrumen Sokongan Rakan Sebaya

Analisis dijalankan dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha instrumen sokongan rakan sebaya. Jadual 8.4 menunjukkan bahawa sokongan rakan sebaya dengan setiap item yang mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan adalah kukuh dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan ialah 0.76. Hal ini bermakna konstruk dan item yang digunakan dalam instrumen sokongan rakan sebaya tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar. Lihat jadual 8.4 berikut:

Jadual 8.4 Kebolehpercayaan Sokongan Rakan Sebaya

| Pemboleh ubah | Item | Alpha Cronbach jika item digugurkan | Nilai Alpha keseluruhan |
|-----------------------|------|-------------------------------------|-------------------------|
| Sokongan Rakan Sebaya | B3.1 | 0.71 | 0.76 |
| | B3.2 | 0.74 | |
| | B3.3 | 0.72 | |

Secara keseluruhannya, instrumen yang digunakan bagi mengukur sokongan persekitaran mempunyai nilai alpha yang tinggi. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen sokongan persekitaran tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar.

6. Kebolehpercayaan Instrumen Keterlibatan Pelajar

Huraian kebolehpercayaan instrumen penglibatan pelajar dipaparkan mengikut dua aspek iaitu pengajaran & pembelajaran bilik darjah dan aktiviti sosial di sekolah. Hasil analisis kebolehpercayaan instrumen penglibatan pelajar dengan nilai Cronbach's Alpha 0.89. Huraianya adalah seperti berikut:

Jadual 8.5 Nilai Cronbach's Alpha bagi Instrumen Keterlibatan Pelajar

| Pemboleh ubah | N | Nilai Alpha Cronbach |
|----------------------|----|----------------------|
| Keterlibatan Pelajar | 30 | 0.89 |

7. Kebolehpercayaan Instrumen Aktiviti Pembelajaran Dalam Bilik Darjah

Analisis dijalankan dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha instrumen aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah. Jadual 8.6 menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dengan setiap item yang mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan adalah kukuh dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan ialah 0.89. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar. Lihat jadual 8.6 berikut:

Jadual 8.6 Kebolehpercayaan Aktiviti Pembelajaran Dalam Bilik Darjah

| Pemboleh ubah | Item | Alpha Cronbach jika item digugurkan | Nilai Alpha keseluruhan |
|-----------------------|------|-------------------------------------|-------------------------|
| Aktiviti Pembelajaran | C1.1 | 0.88 | 0.89 |
| | C1.2 | 0.87 | |
| | C1.3 | 0.89 | |
| | C1.4 | 0.87 | |
| | C1.5 | 0.88 | |

8. Kebolehpercayaan Instrumen Aktiviti Sosial Di Sekolah

Analisis dijalankan dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha instrumen jaringan sosial. Jadual 8.7 menunjukkan bahawa jaringan sosial dengan setiap item yang mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan adalah kukuh dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan ialah 0.89. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen aktiviti sosial tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar. Lihat jadual 8.7 berikut:

Jadual 8.7 Kebolehpercayaan Instrumen Aktiviti Sosial Di Sekolah

| Pemboleh ubah | Item | Alpha Cronbach jika item digugurkan | Nilai Alpha keseluruhan |
|----------------------------|------|-------------------------------------|-------------------------|
| Aktiviti Sosial Di Sekolah | C2.1 | 0.87 | 0.89 |
| | C2.2 | 0.88 | |
| | C2.3 | 0.89 | |
| | C2.4 | 0.88 | |
| | C2.5 | 0.87 | |

Secara keseluruhannya, kebolehpercayaan instrumen item penglibatan pelajar dapat dirumuskan menunjukkan bahawa kebolehpercayaan intrumen penglibatan pelajar iaitu aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah aktiviti sosial menunjukkan bahawa aspek mempunyai nilai Alpha Cronbach yang tinggi. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen penglibatan pelajar tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar.

9. Kebolehpercayaan Instrumen Kemahiran Insaniah Pelajar

Huraian kebolehpercayaan instrumen kemahiran insaniah pelajar dipaparkan mengikut setiap aspek seperti kemahiran sosial dan kemahiran memimpin. Hasil analisis kebolehpercayaan instrumen kemahiran insaniah pelajar dengan nilai Cronbach's Alpha 0.73. Huraianya adalah seperti berikut:

Jadual 8.8 Nilai Cronbach's Alpha bagi Instrumen Kemahiran Insaniah

| Pemboleh ubah | N | Nilai Alpha Cronbach |
|--------------------|----|----------------------|
| Kemahiran Insaniah | 30 | 0.73 |

10. Kebolehpercayaan Instrumen Kemahiran Sosial

Analisis dijalankan dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha instrumen kemahiran sosial. Jadual 8.9 menunjukkan bahawa kemahiran sosial dengan setiap item yang mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan adalah kuat dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan ialah 0.73. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen kemahiran sosial tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar. Lihat jadual 8.9 berikut:

Jadual 8.9 Kebolehpercayaan Kemahiran Sosial

| Pemboleh ubah | Item | Alpha Cronbach jika item digugurkan | Nilai Alpha keseluruhan |
|------------------|------|-------------------------------------|-------------------------|
| Kemahiran Sosial | D1.1 | 0.73 | 0.73 |
| | D1.2 | 0.69 | |
| | D1.3 | 0.67 | |
| | D1.4 | 0.71 | |

11. Kebolehpercayaan Instrumen Kemahiran Memimpin

Analisis dijalankan dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29 untuk mendapatkan nilai Cronbach's Alpha instrumen kemahiran memimpin. Jadual 8.10 menunjukkan bahawa kemahiran memimpin dengan setiap item yang mempunyai nilai indeks kebolehpercayaan adalah kukuh dengan nilai Alpha Cronbach keseluruhan ialah 0.73. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen kemahiran memimpin tersebut diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar. Lihat jadual 8.10 berikut:

Jadual 8.10 Kebolehpercayaan Kemahiran Memimpin

| Pemboleh ubah | Item | Alpha Cronbach jika item digugurkan | Nilai Alpha keseluruhan |
|--------------------|------|-------------------------------------|-------------------------|
| Kemahiran Memimpin | D1.1 | 0.73 | 0.73 |
| | D1.2 | 0.69 | |
| | D1.3 | 0.65 | |
| | D1.4 | 0.74 | |

Secara keseluruhannya, kebolehpercayaan instrumen item kemahiran sosial dan kemahiran memimpin mempunyai nilai Alpha Cronbach yang tinggi. Secara keseluruhannya, instrumen yang digunakan bagi mengukur kemahiran insaniah pelajar mempunyai nilai alpha 0.73 dan instrumen tersebut layak digunakan dalam kajian sebenar. Hal ini bermakna setiap item yang digunakan dalam instrumen kemahiran insaniah pelajar diterima dan kekal digunakan dalam kajian sebenar.

9.0 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina sendiri daripada konstruk kerangka konseptual kajian berdasarkan kajian-kajian terdahulu. Dalam kajian ini, instrumen digubal berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan. Soal selidik digunakan untuk kajian ini telah dibina mengikut keperluan kajian. Pandangan dan maklum balas pakar sangat membantu untuk membina soalan-soalan kajian. Sampel kajian akan diberi lima pilihan jawapan berdasarkan skala Likert (1–5).

Pemilihan Skala Likert dibuat kerana penggunaannya yang meluas terutamanya dalam kajian-kajian sains sosial dan pendidikan, bersesuaian dengan konsep atau pemboleh ubah yang ingin diukur dalam kajian serta ianya lebih mudah diurus dan dijawab oleh sampel kajian. Selain itu, kebolehpercayaan data yang diperolehi lebih tinggi dan mudah digeneralisasikan kepada populasi (Chua Yan Piaw, 2006). Dalam kajian ini, soal selidik yang dibina mengandungi empat bahagian utama. Bahagian-bahagian tersebut adalah: (A) Demografi Pelajar, (B) Sokongan Persekitaran, (C) Keterlibatan Pelajar dan (D) Implikasi Kemahiran Insaniah dalam Kemahiran Sosial Pelajar.

10.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Penyelidik menganalisis borang soal selidik yang lengkap diisi oleh responden menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 29. Analisis deskriptif digunakan melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan analisis Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.

10.1 Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Insaniah Dari Aspek Sokongan Persekitaran

Analisis deskriptif yang digunakan melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap sokongan persekitaran dari aspek sokongan guru, sokongan ibu bapa dan sokongan rakan sebaya. Hasil rumusan analisis deskriptif secara keseluruhan tentang tahap sokongan persekitaran dari aspek sokongan guru, sokongan rakan sebaya dan sokongan ibu bapa mendapati bahawa skor tahap sokongan persekitaran dalam kalangan sampel kajian berada pada tahap tinggi.

Hasil analisis deskriptif secara keseluruhan mendapati tahap sokongan persekitaran dari aspek sokongan guru, sokongan ibu bapa dan sokongan rakan sebaya, diperincikan dalam Jadual 1.0 berikut.

Jadual 1.0 Tahap Sokongan Persekitaran dari Aspek Sokongan Guru, Sokongan Rakan Sebaya dan Sokongan Ibu Bapa

| Sokongan Persekitaran | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|-----------------------------------|------|----------------|--------------|
| Sokongan guru | 4.30 | 0.30 | Tinggi |
| Sokongan ibu bapa | 4.48 | 0.35 | Tinggi |
| Sokongan rakan sebaya | 4.37 | 0.40 | Tinggi |
| Keseluruhan Sokongan Persekitaran | 4.40 | 0.24 | Tinggi |

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap sokongan persekitaran dari aspek sokongan guru, sokongan rakan sebaya dan sokongan ibu bapa berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min 4.40 dan sisihan piawai = 0.24. Interpretasi skor min ini berdasarkan Bahaman dan Turiman (1999) yang mengatakan nilai skor min berada di antara nilai 4.01 hingga 5.00 adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap pendidikan insaniah dari aspek sokongan persekitaran adalah sangat baik.

10.2 Tahap Keterlibatan Pelajar Dari Aspek Pengajaran Pembelajaran Bilik Darjah

Hasil analisis deskriptif yang digunakan melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan tahap keterlibatan pelajar dari aspek pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dan aktiviti sosial di sekolah. Hasil rumusan analisis deskriptif secara keseluruhan tentang tahap keterlibatan pelajar dari aspek pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dan aktiviti sosial di sekolah mendapati bahawa skor tahap sokongan persekitaran dalam kalangan sampel kajian berada pada tahap sederhana tinggi. Keadaan ini bermakna pelajar mempunyai tahap kefahaman yang sederhana tinggi terhadap tujuan aktiviti pembelajaran dalam bilik darjah dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Ini menunjukkan bahawa keterlibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran bilik darjah mempunyai kaitan dengan sokongan persekitaran.

Hasil analisis deskriptif mendapati secara keseluruhan tahap keterlibatan pelajar terhadap aktiviti pendidikan insaniah, maka perhatikan Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 Tahap Keterlibatan Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Insaniah

| Keterlibatan pelajar | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|--|------|----------------|------------------|
| Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bilik Darjah | 3.65 | 0.65 | Sederhana Tinggi |
| Aktiviti Sosial di Sekolah Berkaitan (PdP) | 3.66 | 0.73 | Sederhana Tinggi |
| Keseluruhan Keterlibatan Pelajar | 3.41 | 0.71 | Sederhana Tinggi |

Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, tahap keterlibatan pelajar terhadap aktiviti pendidikan insaniah berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai skor min 3.41 dan sisihan piawai = 0.71. Interpretasi skor min ini berdasarkan Bahaman dan Turiman (1999) yang mengatakan nilai skor min berada di antara nilai 3.01 hingga 4.00 adalah sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa keterlibatan pelajar terhadap aktiviti pendidikan insaniah dari aspek sokongan persekitaran adalah pada tahap yang baik.

10.3 Implikasi Pendidikan Insaniah Terhadap Pelajar Dari Aspek Kemahiran Sosial Di Sekolah.

Hasil analisis deskriptif digunakan melibatkan min dan sisihan piawai dijalankan untuk menentukan implikasi Pendidikan Insaniah terhadap pelajar dari aspek Kemahiran Sosial di sekolah. Hasil rumusan analisis deskriptif berada pada tahap sederhana tinggi. Jangkaan item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi ialah saya menghormati keputusan rakan sekelas dalam perbincangan. Manakala jangkaan item yang paling rendah ialah saya berbincang dan berkongsi pengalaman bersama rakan sekelas tentang isu semasa. Keadaan ini bermakna pelajar mempunyai tahap kefahaman yang sederhana tinggi dibawah dimensi implikasi pendidikan insaniah terhadap pelajar dari aspek kemahiran sosial di sekolah.

Analisis deskriptif yang melibatkan empat item dibina untuk mendapatkan tahap implikasi pendidikan insaniah terhadap pelajar di sekolah berdasarkan kemahiran sosial seperti Jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2 Keseluruhan Tahap Implikasi Pendidikan Insaniah terhadap Pelajar di Sekolah Berdasarkan Kemahiran Sosial

| Kemahiran Sosial Pelajar | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|--------------------------------------|------|----------------|--------------|
| Keseluruhan Kemahiran Sosial Pelajar | 4.29 | 0.36 | Tinggi |

Berdasarkan jadual 1.1 di atas analisis deskriptif menunjukkan bahawa keseluruhan tahap implikasi pendidikan insaniah terhadap pelajar di sekolah berdasarkan kemahiran sosial berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai skor min 4.29 dan sisihan piawai = 0.36. Interpretasi skor min ini berdasarkan Bahaman dan Turiman (1999) yang mengatakan nilai skor min berada di antara nilai 4.01 hingga 5.00 adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap implikasi pendidikan insaniah terhadap pelajar di sekolah berdasarkan kemahiran sosial adalah pada tahap yang amat baik. Tahap kefahaman yang amat baik ini dapat dilihat melalui jawapan yang diberikan oleh responden.

11.0 KESIMPULAN

Kemahiran insaniah telah menjadi keperluan bagi diri para pelajar termasuk para pelajar SEG dalam membina jati diri seterusnya kebolehpasaran bekerja setelah tamat bergraduasi. Oleh yang demikian, persepsi pelajar terhadap pendidikan insaniah dari aspek sokongan persekitaran dikaji bagi melihat secara terus keperluan ini oleh para pelajar. Kajian mendapati bahawa aspek sokongan pelajar Sekolah

Tinggi Islam As Sofa adalah sangat baik. Tambahan pula, segala usaha bagi menghasilkan pelajar yang mempunyai nilai pendidikan insaniah akan terbantut sekiranya tiada atau kurang tahap keterlibatan pelajar dari aspek pengajaran pembelajaran bilik darjah. Hasil mendapati bahawa tahap keterlibatan pelajar terhadap aktiviti pendidikan insaniah adalah baik. Di samping itu, implikasi pendidikan insaniah terhadap pelajar dari aspek kemahiran sosial di sekolah. Hal ini akan menatijahkan analisis atau outcome kajian persepsi pelajar Sekolah Tinggi Islam as-Sofa terhadap Pendidikan Insaniah.

12.0 RUJUKAN

- Abdullah, A. R. (2022). Pengenalan Institusi As Sofa dan Yayasan Sofa Negeri Sembilan. Ampang, Selangor.
- Ariff, M. M. (2007). Menggilap Kecemerlangan Menara Gading. Retrieved from Bernama: <https://www.bernama.com/bernama/v3/bm/printable.php?id=277666>
- Bahaman & Turiman. (1999). Statistic For Social Research With Computer. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Chapra, M. Umer. (2009). The Islamic development in the light of the Maqasid al-Shariah Proceedings of the 1st Insaniah-IRTI International Conference on. IRTI International Conference (pp. 1-52). Langkawi: University College Insaniah.
- Courtney, M. & Simpson E. (2002). Critical thinking in nursing education: Literature. *International Journal of Nursing Practice*, 8(2): 89–98.
- Cresswell, J. (2008). *Education Research, Planning, Conducting and Evaluating*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education USA.
- Group, S. E. (2019). Sekolah-Sekolah Seliaan Sofa Education Group. Seremban, Negeri Sembilan.
- Group, S. E. (2023). Institusi Sofa Education Group. Retrieved from Sofa Education Group: <https://www.seg.edu.my/institusi.html>
- Hanum Hassan, Razli Ahmad, Lt Kol (B) Azuddin Bin Bahari. (2008). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Program Bakti Siswa Perdana UniMAP. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia: Universiti Malaysia Perlis.
- Hashim, R. (2006). Falsafah Penyelidikan Pendidikan dari Perspektif Islam: Konsep dan Matlamat. *Jurnal Pendidikan Islam* Jil. 12. Bil. 1.
- Ishak, A. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, M. H. (2014). E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah . *Memperkasa Ekonomi dan Kewangan Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) Di Malaysia: Pandangan dan Cadangan*, 7.
- Jain, A. & Mehta, S. (2011). Increasing The Employability Quotient by Equipping With Better Soft Skills. *National Conference on Emerging Issues in Business Management*. Jaipur.
- Jantan, Y. b. (2017). Pengaruh Pengetua, Guru, Ibu Bapa, Rakan Sebaya dan Penggunaan Internet Dalam Membentuk Kefahaman Dan Amalan Sahsiah Pelajar. *Institut Kimpimpinan Pendidikan Universiti Malaya*, Kuala Lumpur, 50.
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli. (2009). Pendekatan Islam Dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar Dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic education* 1 (2), 1-14.

- Khair, E. (2022). Malaysia jadi hab pendidikan tinggi global - KPT. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-jadi-hab-pendidikan-tinggi-global-kpt-382394>
- Mohamad Ridzuan Lau, Hishomudin Bin Ahmad, Mohd Faisol Bin Ibrahim, Nabilah Yusof, & Norlelawati Arifin. (2015). Kemahiran Insaniah Dan Aktiviti KoKurikulum Di Sekolah Menengah dan Universiti Awam. *Language, Education And Research: Upholding The Fundamentals, Embracing The Cutting Edge*.
- Mustafa, M. Z. (2008). Pelaksanaan Modul Soft Skills di Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my>: http://eprints.uthm.edu.my/2315/1/Pelaksanaan_Modul_Soft_Skills_Di_Politeknik
- Noornajihan Jaafar; Zulkiple Abd Ghani; Siti Rugayah Hj Tibek; Amir Husin Mohd Nor;. (2017). Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development*, 223-235.
- Norani Mohd Noor & Sazalie Sahimin. (n.d). Penerapan Kemahiran Generik. Penerapan Kemahiran Generik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Yayasan Sabah.
- Nordin, M. K. (2023). Persidangan Meja Bulat Bersama Majlis Penasihat Industri Politeknik (PIAC). Sepang, Selangor: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Piaw, C. Y. (2006). Buku 1: Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Samad, M. F. (2022). Yayasan Sofa Negeri Sembilan. Seremban: Sofa Production Sdn. Bhd.
- Shakir, R. (n.d). Soft skills at the Malaysian institutes of higher learning. *Asia Pacific Education Review*.
- Sidik, I. F. (2019). Sokongan Persekitaran dan Keterlibatan Pelajar Dalam Meningkatkan Kemahiran Insaniah di Pelbagai Sekolah Menengah Di Malaysia. Selangor: Disertasi Ph.D, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Solehah, N. N. (2019). *International Journal of Humanities, Management, and Social Science*. 2(1): 38-50.
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, M. A. (2022). Penggunaan Media Sosial Baharu. *Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam*, 24.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155–172.